

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA : BAHAYA JIKA KEMAJUAN ICT DISALAH GUNA-MOHD SIDEK
TARIKH : 8 JULAI 2011 (JUMAAT)

Bahaya jika kemajuan ICT disalah guna - Mohd. Sidek

PUTRAJAYA 7 Julai - Orang ramai digesa memanfaatkan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) khususnya kemudahan laman sosial seperti Facebook dan Twitter dengan tidak menyalahgu-

nakannya sehingga boleh mencetuskan suasana huru-hara.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan berkata, dalam era moden ini kemudahan rangkaian sosial tersebut boleh berperanan se-

bagai platform berbahaya yang mampu mengancam keamanan dunia.

Menurutnya, ini kerana arahan yang dikeluarkan melalui kaedah tersebut sangat mudah kerana hanya perlu menggunakan Internet

dan komputer untuk beroperasi tanpa memerlukan bangunan yang besar.

"Sekarang, arahan boleh dikeluarkan di mana-mana saja seperti di Starbucks manakala MySpace dan Yahoo berperanan sebagai peti surat dan perkhidmatan kiriman.

"Realitinya kemajuan teknologi ini tidak dapat dihentikan dalam orde baru dunia sekarang, justeru menjadi satu keperluan untuk kita mencari pendekatan baru untuk mengatasinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan ICT Kebangsaan 2011, di sini hari ini.

Persidangan selama dua hari

itu menghimpunkan beberapa ahli panel tempatan dan antarabangsa bagi membincangkan mengenai transformasi digital dalam kerajaan dan swasta yang dapat mendatangkan faedah kepada ekonomi negara dan rakyat.

Dalam pada itu, Mohd. Sidek mengingatkan agensi kerajaan terlibat supaya meningkatkan sistem pelaksanaan e-kerajaan terutama dalam sektor perkhidmatan awam bagi menjadikan ia lebih berdaya saing dan kekal relevan setiap

masa.

"Sejak penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada 1996, ia telah berjaya mencipta banyak pekerjaan sebanyak 11,367 tempat sehingga tahun 2010," katanya.



SIDEK HASSAN